

Jurnal
PENTERJEMAH
(Journal of the Malaysian Translators Association)


ISSN: 2180-0790

URUSAN LANGGANAN

Urus Setia PPM
Persatuan Penterjemah Malaysia
d/a 171-A, Aras 1
Jalan Maharajalela
50150 Kuala Lumpur

Tel.: 603-9226 2506
Faks: 603-2142 4381
<http://www.malaysiantranslatorsassociation.com>
terjemah1@gmail.com
Persatuan Penterjemah MALAYSIA

Pencetak:



Kandungan / Contents	iii-v
Sidang Redaksi Penerbitan/ Board of Editors	vi
Jawatankuasa Induk PPM/MTA Main Committee	vii
Prakata	viii
<i>Foreword</i>	xi
1. Komunaliti Digital dalam Konteks Penterjemahan di Malaysia <i>Hasuria Che Omar</i>	1
2. Keberkesanan Model Penilaian Kualiti Terjemahan Reiss (2000) dalam Proses Pascapenyuntingan Terjemahan Google Translate <i>Ummi Umairah Kahar</i> <i>Jasmin Nabilah Jaaffar</i> <i>Hanina Tasha Ahmad</i> <i>Hasuria Che Omar</i>	19
3. Analisis Kepadanan Makna Nilai Kemoralan Konfusianisme ‘Ren’ dalam Terjemahan Bahasa Cina-Bahasa Melayu <i>Oo Jiu Bell</i> <i>Goh Sang Seong</i>	38
4. Terjemahan Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dalam Bidang Sains Kesihatan <i>Norsofiah Abu Bakar</i> <i>Radiah Yusoff</i>	59

Kandungan/ Contents

5. **Penerbitan Buku Terjemahan Kanak-kanak:
Pengalaman ITBM** 76
Nor Farhana Zulkeplee
Surianee Mahmud
Zahari Mahmud
6. **Analisis Terjemahan Soalan Retorik dalam
Novel The Broker ke Bahasa Melayu** 87
Nurul Syafiqah Daud
Wan Rose Eliza Abdul Rahman
7. **Is There a Place for Interpreters in Malaysia's
Healthcare Industry within The 4IR Era?** 103
Leelany Ayob
8. **Parameter Penilaian Terjemahan Berdasarkan
Pendekatan Fungsian: Satu Tinjauan Awal** 119
Rokiah Awang
Wan Rose Eliza Abdul Rahman
Aniswal Abd. Ghani
9. **Pendekatan Semantik dalam Terjemahan
Istiqarah Qurani ke Bahasa Melayu** 134
Lubna Abd Rahman
Nasimah Abdullah
10. **The Loss of Lustre in The Malay- English
Translation of *Perempuan - Woman* in The
Work's of Shahnnon Ahmad Normazla** 154
Normazla Ahmad Mahir
Suzanah Selamat
Norhana Abdullah
11. **Penterjemahan Unsur Budaya Arab dan Melayu
Menurut Pembahagian Hasan Ghazala** 163
Rabiatul Adawiyah bt Md Ali Shifudin
Majdi Haji Ibrahim

Penterjemahan Unsur Budaya Arab dan Melayu Menurut Pembahagian Hasan Ghazala

*Rabiatul Adawiyah bt Md Ali Shifudin
Majdi Haji Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

ABSTRAK

Bahasa sebagai alat komunikasi antara manusia mengandungi unsur budaya yang menggambarkan cara fikir sesebuah masyarakat. Maka, penterjemahan merupakan wadah terpenting bagi menghubungkan dan merapatkan jurang kebudayaan antara dua bahasa yang berlainan. Namun begitu, penterjemah sering mengalami kekeliruan untuk menggunakan kaedah yang sesuai dalam menterjemah, terutamanya dalam teks-teks yang mempunyai banyak unsur budaya. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan pembahagian unsur budaya oleh Ghazala (2015) bagi menganalisis unsur-unsur budaya dalam teks antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Pengkaji akan menyertakan contoh-contoh yang berkaitan untuk mengupas isu terjemahan berdasarkan lapan pembahagian unsur budaya, iaitu agama, sosial, politik, mental dan emosi, linguistik, sastera, ekologi, dan material. Kajian ini akan menyumbang pengetahuan baharu kepada dunia tentang penterjemahan antara dua budaya. Pengetahuan baharu tersebut melibatkan pemahaman menelusuri unsur budaya dalam bahasa sumber untuk diungkapkan secara betul dan tepat dalam bahasa sasaran yang amat diperlukan untuk mendapatkan terjemahan yang baik. Penterjemah harus memahami budaya bahasa sumber dan bahasa penerima sebelum menterjemahkan sebarang teks kerana penterjemah bukan sekadar memindahkan kata, tetapi juga perasaan dan nilai budaya penulis ke dalam bahasa lain.

Kata Kunci: penterjemahan, unsur budaya, Hasan Ghazala, bahasa Arab, bahasa Melayu

ABSTRACT

Language as a means of communication between people contains cultural elements that reflect the way a society thinks. Translation, therefore, is an important medium for bridging cultural gaps between two different languages. However, translators often find it difficult to use appropriate methods to translate, especially texts with many cultural elements. Therefore, the researchers used the categorization of culture by Ghazala (2015) to analyze the cultural elements in the Arabic and English texts. The researcher will include relevant examples to address the issues of translation based on eight categories of culture, namely, religious, social, political, mental and emotional, linguistic, literary, ecological, and material. This study will contribute new knowledge to the world of translation between the two cultures. The new knowledge involves understanding the cultural elements of the source language in order to be expressed properly and accurately in the target language that is essential for good translation. A translator must understand the culture of the source language and the recipient's language before translating any text because the translator is not just translating the words, but also the feelings and values of the author's culture into other languages.

Keywords: *translation, cultural elements, Hasan Ghazala, Arabic, Malay*

PENDAHULUAN

Bahasa, budaya, dan terjemahan merupakan elemen-elemen yang saling berkait di antara satu sama lain dalam hubungan linguistik. Sesuatu bahasa adalah sangat dipengaruhi oleh perkembangan kebudayaan bagi masyarakat setempat. Susan Bassnett (1996) menyatakan bahawa, hubungan budaya dan bahasa adalah hubungan seumpama hati yang berada dalam tubuh badan. Maka, seorang penterjemah yang bagus perlu mengambil kira dan mengambil berat tentang aspek kebudayaan dalam teks terjemahannya supaya pembaca yang membaca teks terjemahan tersebut dapat menikmati hasilnya dengan baik. Daripada hal tersebut, maka dapatlah kita perhatikan bahawa hubungan antara tiga dimensi ini adalah sangat erat dan ia memberi kesan besar terhadap teori dan kaedah penterjemahan. Namun begitu, dalam makalah ini, fokus perbincangan

penulis adalah mengenai penterjemahan unsur budaya dan bukannya terjemahan budaya.

Terdapat dua istilah penting yang perlu dibezakan dalam makalah ini, iaitu terjemahan budaya (*cultural translation*) dan menterjemah budaya (*translating culture*). Terjemahan budaya ialah terjemahan yang menukarkan unsur-unsur dalam budaya teks asal dengan budaya penerima (Ainon Muhammad: 2000), atau dengan kata lain, “penulisan semula” ke dalam budaya sasaran secara semulajadi seperti yang telah dilakukan ke atas teks-teks Injil dan puisi Shakespeare yang membolehkan teks-teks tersebut seolah-olah dihasilkan dalam lingkungan budaya sasaran itu sendiri (Bassnett & Lefevere, 1998: 16). Manakala, menterjemah budaya pula adalah berkisar tentang isu-isu seperti kebolehterjemahan budaya, unsur-unsur budaya, lapisan kebudayaan dan hubungan bahasa dan budaya, perbezaan lintas budaya, titik sensitif dalam budaya dan cara-cara menanganinya dalam penterjemahan (Ghazala, 2015)

Oleh sebab itu, penterjemahan unsur budaya merupakan satu proses bagi menghubungkan dan merapatkan jurang kebudayaan antara dua bahasa yang berlainan agar pembaca dapat memahami maksud atau mesej unsur budaya yang termuat dalam teks yang diterjemahkan. Dengan hal tersebut, para sarjana mulai melakar peta pembahagian unsur budaya bermula daripada Nida (1975) dan seterusnya yang paling terkenal dikemukakan oleh Newmark (1988).

Pembahagian unsur budaya Newmark terkandung dalam bukunya yang bertajuk, *A Textbook of Translation* (1988). Buku ini telah menjadi antara rujukan utama yang diguna pakai oleh para pelajar yang mahu mendalami Pengajian Terjemahan. Buku tersebut telah diterjemah ke dalam banyak bahasa dunia, termasuklah ke dalam bahasa Arab oleh Hasan Ghazala pada tahun 2014. Pada tahun 2015, Ghazala telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *Translating Culture: A Textbook* yang mengkritik dan mengubah suai semula pembahagian bagi unsur budaya yang dikemukakan oleh Newmark.

Ghazala (2015) menyifatkan bahawa pembahagian unsur budaya oleh Newmark adalah longgar, mengelirukan dan tidak menyeluruh. Seterusnya, Ghazala telah mencadangkan lapan unsur budaya, iaitu agama, sosial, politik, mental dan emosi, linguistik, sastera, ekologi, dan material. Ghazala menggunakan contoh-contoh dalam budaya Arab dan Inggeris sebagai fokus perbincangan. Oleh hal yang demikian, bahagian

perbincangan makalah ini akan memperincikan pembahagian unsur-unsur ini dengan membawa contoh-contoh dari budaya Arab dan Melayu.

CABARAN PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA

Seseorang penterjemah akan mengalami dilema dalam mana-mana teks yang sarat dengan unsur budaya disebabkan oleh kekurangan pengetahuan penterjemah mengenai budaya sumber. Seorang ahli antropologi yang terkenal, iaitu Malinowski (1944) mengatakan bahawa hakikat kehidupan dan budaya sesebuah masyarakat perlulah difahami terlebih dahulu bagi mendapatkan kefahaman yang tepat tentang langgam bahasa yang digunakan oleh mereka. Penterjemah berhadapan dengan objek, konsep, dan perlakuan tertentu yang hanya dapat difahami oleh pemilik budaya asal namun mungkin sukar difahami oleh pembaca karya terjemahan. Pengalaman manusia yang merentasi sempadan tamadun kebendaan dan bukan kebendaan serta falsafahnya tersendiri membolehkan para penterjemah menemukan persamaan dan perbezaan bagi menterjemah teks asal (Bassnett & Lefevere, 1998).

Perbezaan budaya, pembatasan budaya, peminjaman budaya, dan silang budaya dari segi penglihatan dunia merupakan ciri-ciri penting dalam menterjemah konsep budaya daripada teks asing. Darjah kesamaan atau perbezaan dalam teks sumber ditentukan oleh tujuan penterjemahan tersebut. Sesuatu yang dilihat sebagai baik dalam sesebuah budaya mungkin dianggap jelik pula dalam sesebuah budaya yang lain, dan begitu juga sebaliknya. Sebagai contoh, lembu melambangkan kebodohan dalam masyarakat Melayu namun dianggap mulia bagi masyarakat yang beragama Hindu.

Tambahan pula, wujudnya pembatasan bagi beberapa unsur budaya dalam teks asal menyebabkan berlakunya kesukaran untuk menterjemahnya ke dalam bahasa sasaran. Contohnya, masyarakat Melayu dari zaman dahulu sehingga sekarang adalah lebih dekat dengan bidang pertanian, memandangkan bidang tersebut merupakan mata pencarian bagi kebanyakan orang Melayu. Hal itu menjadikan masyarakat Melayu memiliki perbendaharaan kata yang luas dalam bidang pertanian (Puteri Roslina, 2012). Contohnya, terdapat banyak istilah yang merujuk kepada sesuatu yang berkaitan dengan makanan ruji orang Melayu seperti beras, padi, nasi, bubur, dan antah. Namun begitu, semua istilah tersebut hanya diterjemah menjadi (الأرز) (al-Aruz) dalam Bahasa Arab.

Oleh sebab itu, penterjemah yang baik dapat mengenal pasti makna tersurat dan tersirat yang terdapat dalam teks asal, terutamanya dalam

aspek budaya yang meliputi mana-mana perkataan, frasa, ungkapan, dan ayat yang mengandungi konotasi tersendiri dalam sesebuah masyarakat.

PEMBAHAGIAN UNSUR BUDAYA HASAN GHAZALA

Agama

Walaupun dunia kian pesat dengan kemajuan teknologi dan sains, namun ramai yang masih berpandangan bahawa kemanusiaan takkan dapat bergerak tanpa agama justeru perkara tersebut masih kekal menjadi pegangan manusia. Terjemahan bagi unsur budaya agama merupakan suatu perkara yang sukar dilakukan disebabkan oleh wujudnya kepelbagaian agama yang ada di dunia ini. Dalam masa yang sama, setiap agama pula mempunyai ciri-ciri unik dari segi kepercayaan, hukum-hakam, dan doktrin yang dibawanya. Maka, penterjemah mesti menggunakan pendekatan tertentu bagi meraikan ciri-ciri khas teks-teks tersebut dalam menterjemah teks-teks agama. Antara ciri-ciri khas teks tersebut ialah formaliti, struktur yang kompleks, jargon agama, konservatisme, perkataan mutlak, bahasa yang sukar difahami, transendentalisme, falsafah yang ideal, kesucian, berbentuk perintah dan gesaan, gaya bahasa yang selaras, bernuansa tertentu, mengagumkan, wacana agama yang universal, dan sebagainya (Ghazala: 2015)

Ciri-ciri khas yang disebutkan di atas menyebabkan penganut bagi mana-mana agama sekalipun menjadi sangat sensitif terhadap sebarang kritikan dan komen yang mungkin bertentangan dengan perkara atau isi kandungan bagi teks-teks suci agama seperti al-Qur'an dan Bible. Nida juga mengakui bahawa, penterjemahan terhadap teks harian biasa pun boleh menjadi sukar disebabkan oleh wujudnya pelbagai faktor sociolinguistik, apatah lagi jikalau menterjemah teks-teks agama yang sudah tentu lebih rumit dan kompleks (Nida: 1994).

Oleh sebab itu, Ghazala mencadangkan supaya terjemahan unsur budaya agama mestilah berbentuk formal, literal, tepat, teliti, tidak banyak lari dari teks, terjemahan langsung, dan makna yang bertumpu kepada bahasa sumber. Perkara tersebut dilakukan bagi menghormati gaya bahasa dan nuansa makna dalam teks dengan menggunakan tatabahasa dan susunan perkataan bahasa sasaran selancar dan sebaik mungkin serta mengelakkan daripada penggunaan bahasa pasar dan bahasa klasik (Ghazala: 2015).

Jadual di bawah menunjukkan beberapa contoh terjemahan Melayu dan Arab berkaitan dengan perkataan atau frasa yang berkaitan dengan agama Kristian.

Bil.	Perkataan/Frasa	Terjemahan Melayu	Terjemahan Arab	Glos
1.	<i>Jesus</i>	Jesus	عيسى المسيح	Isā al-Masīh
2.	<i>Good Friday</i>	Hari Jumaat Besar	الجمعة الحزينة	Al-Jum‘ah al-Ḥazīnah
3.	<i>Crusaders</i>	Salibi; Mujahid	الصليبيون	Aṣ-Ṣalībīyūn

Terjemahan perkataan Jesus dalam Bahasa Arab ialah Isa al-Masih. Perkataan tersebut diterima oleh masyarakat Arab, sama ada Islam ataupun Kristian, dan mereka tiada perdebatan tentang isu tersebut. Walau bagaimanapun, Isa atau Isa al-Masih tidak digunakan sebagai terjemahan untuk perkataan Jesus dalam Bahasa Melayu. Terjemahan Bible ke dalam Bahasa Melayu juga menggunakan perkataan Yesus atau Jesus. Hal ini demikian kerana, selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, badan-badan penyelia Bible seluruh dunia memperkenalkan peraturan melarang penggunaan istilah Isa al-Masih kerana istilah tersebut memberikan makna yang tidak tepat dalam konteks Bible dan terjemahan tersebut menyinggung sebahagian orang Islam (Hunt, 1989). Jadi, jika dirujuk kepada terjemahan Bahasa Melayu dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (hlm. 441), perkataan Jesus dikekalkan dalam perkataan atau frasa berkaitan agama Kristian. Contohnya:

1. Kristian: Agama yang dipercayai dan dianuti oleh pengikut Jesus Christ.
2. Hari Natal: Hari jadi Jesus.
3. Perjamuan suci: Santapan yang diadakan oleh Jesus Christ pada malam sebelum baginda disalib.

Frasa *Good Friday* pula yang diterjemah ke dalam Bahasa Arab adalah bertentangan dengan makna asal, iaitu (الجمعة الحزينة) (Al-Jum‘ah al-Ḥazīnah) yang bermaksud Jumaat Kesedihan. Hal tersebut berlaku akibat daripada perbezaan kepercayaan di antara orang Islam dan orang Kristian. Orang Kristian percaya bahawa Jesus mati disalib pada hari Jumaat, sedangkan orang Islam percaya bahawa Nabi Isa tidak disalib namun Allah telah mengangkat baginda ke langit dan masih lagi hidup

seperti yang tercatat dalam Surah *al-Nisa'*, ayat 157. Suatu hal yang menarik adalah, terjemahan bahasa Melayu adalah bersifat neutral kerana frasa yang sama diterjemah kepada Hari Jumaat Besar.

Perkataan *Crusaders* diterjemah dengan konotasi negatif dalam bahasa Arab yang merujuk kepada orang-orang Kristian yang menceroboh dan menduduki Jerusalem pada zaman pertengahan. Terdapat dua terjemahan bagi perkataan ini dalam bahasa Melayu. Terjemahan pertama ditransliterasi daripada bahasa Arab, iaitu salibi. Manakala terjemahan kedua merupakan sebuah terjemahan langsung, iaitu mujahid. Terjemahan pertama (salibi) memihak kepada pemahaman dan konsep orang Islam, manakala terjemahan kedua (mujahid) adalah cenderung kepada pemahaman dan konsep orang Kristian.

Cabaran utama dalam penterjemahan budaya agama adalah jurang antara bahasa dan budaya yang terlalu jauh. Bagi budaya Arab dan Melayu, tidaklah terlalu sukar untuk menterjemah istilah dan konsep agama kerana kebanyakan aspek daripada kedua-dua budaya ini berkongsi agama yang sama, iaitu Islam.

Masyarakat Arab sudah mengenali dan dibiasakan dengan budaya agama Kristian. Namun begitu, jika kita mahu menterjemah istilah dan konsep kepelbagaian agama dalam masyarakat majmuk di Malaysia ke dalam masyarakat Arab, penterjemah akan menghadapi masalah kerana ketiadaan pengetahuan dan konsep bahasa sasaran. Perkataan dan frasa seperti tokong, kuil, colok, konsep semangat, dewa-dewi, kelahiran semula, karma, dan lain-lain memerlukan kepada penelitian yang lebih mendalam. Secara umumnya, penterjemahan dalam pembahagian unsur budaya agama boleh dilakukan dengan dua kaedah, iaitu:

1. Kaedah Terjemahan Formal

Penterjemahan menumpukan perhatian terhadap bentuk teks yang diterjemahkan dengan mengekalkan unsur-unsur stilistik seperti rima, rentak, bunga bahasa dan ciri nahu yang tertentu supaya bahan terjemahan itu menyerupai bentuk teks sumber (Nida, 1964). Kaedah ini dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu: pinjaman, peniruan dan penggantian.

2. Kaedah Terjemahan Dinamik

Penterjemahan ini dilakukan dengan menekankan makna mesej teks asal yang hendak disampaikan dan kesan pembacaan bersesuaian

dengan konteks budaya penerima iaitu bahasa sasaran (Nida, 1964). Kaedah ini dapat dibahagikan kepada tiga empat, iaitu: transposisi, modulasi, persamaan dan penyesuaian.

Perkara ini boleh dilihat dengan jelas dalam terjemahan kitab suci Islam dan Kristian kerana konsep kesucian teks agama adalah berbeza dari satu agama ke agama yang lain. Islam menganggap bahawa terjemahan al-Qur'an hanyalah bersifat tafsiran dan bukannya alternatif kepada teks sumber, kerana kesucian al-Qur'an tetap kekal pada teks sumber dan bukan pada teks terjemahan (Majdi & Akmal, 2017). Terjemahan al-Qur'an kepada mana-mana bahasa sasaran menggunakan kaedah terjemahan formal bagi menjaga kesucian bahasa agama dan keunikan gaya bahasanya. Manakala, semua terjemahan Bible dianggap suci dalam agama Kristian kerana teks terjemahan tersebut merupakan wahyu bagi orang Kristian yang diilhamkan Tuhan kepada penterjemah dan penterjemah merupakan orang yang benar-benar memahami cerita dan makna dalam teks Bible. Oleh sebab itu, penterjemah mendapat ruang yang lebih besar untuk menyampaikan maksud teks sumber mengikut gaya bahasa sasaran bagi memberikan kesan yang sama seperti pembaca teks sumber.

Budaya Sosial

Budaya sosial merujuk kepada semua aktiviti, amalan, objek, tabiat kebiasaan, idea, nilai, dan artifak yang mempunyai implikasi sosial. Antara perkara yang termasuk dalam budaya sosial ialah makanan, minuman, pakaian, kerja dan hiburan, tabiat, adat, ucapan, sapaan, ungkapan penarik, klise, formula, gelaran, organisasi sosial dan kelab, tokoh nasional, taboo agama dan keraian sosial, hiburan, sukan, simbol linguistik seperti warna, gerak isyarat atau objek yang membawa makna tertentu yang hanya dikenali oleh orang yang berkongsi budaya yang sama (Ghazala, 2015: 64). Disebabkan banyak perkara yang boleh digolongkan ke dalam budaya sosial, maka penulis akan membawakan beberapa contoh yang berkaitan seperti makanan, warna, dan gelaran untuk menerangkan tentang penterjemahan istilah dan ekspresi sosial.

Makanan

Makanan merupakan salah satu topik yang paling popular dalam budaya sosial. Walaupun Newmark (1988) mengkategorikan makanan

dalam budaya kebendaan, tetapi ia merupakan komponen terbesar bagi hubungan sosial, konsep, dan nilai bagi sesuatu masyarakat. Boleh dikatakan bahawa, makanan membentuk budaya sosial sesuatu negara dari segi nilai kemasyarakatan dan kebudayaan. Tabiat pemakanan akan dapat memaparkan personaliti seseorang dari segi status sosial, selera, pegangan agama, dan pendapat peribadinya terhadap sesuatu perkara. Sebagai contoh, Ghazala (2015) berpandangan bahawa sesiapa yang lebih gemar dengan masakan di rumah seringkali mempunyai pemikiran yang konservatif, dogmatisme, dan terkebelakang berbanding mereka yang gemar makan di restoran makanan segera yang mempunyai pemikiran moden, pragmatik, tidak tradisional, fleksibel dan bertamadun.

Tambahan pula, sesetengah makanan menjadi simbol sosiobudaya tertentu terutamanya yang dihidangkan sempena peristiwa tertentu. Sebagai contoh, masyarakat Arab memberi manisan raya (حلاوة العيد) (Halāwah al-‘Īd) semasa Maulidur Rasul dan kopi perkabungan (القهوة السادة) (Al-Qahwah as-Sādah) semasa hari pengebumian. Manakala, masyarakat Melayu menghidangkan ketupat pada Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, pulut kuning dalam pelbagai majlis kesyukuran, dan memasak bubur Asyura semasa Hari Asyura.

Nama-nama makanan masyarakat Arab biasanya diterjemah ke dalam bahasa Melayu melalui teknik peminjaman seperti shawarma (شاورما), kebab (كباب), hummus (حمص) dan teknik peniruan seperti nasi kabsah (كبسة), manisan baklava (بقلاوة), dan kuih sambousat (سمبوسة) kerana makanan seperti ini tidak wujud dalam masyarakat Melayu. Perkara yang sama juga dilakukan dalam menterjemah makanan Melayu ke dalam bahasa Arab.

Warna

Warna merupakan antara aspek yang penting dalam mana-mana budaya di dunia ini. Bendera negara mempunyai gabungan warna yang membezakan antara sesebuah negara dengan negara yang lain dalam acara-acara rasmi. Malah, bendera juga mempunyai fungsi yang lebih luas berkaitan dengan organisasi sosial, parti politik, syarikat dan kelab sosial, terutamanya kelab bola sepak. Warna dan bendera mempengaruhi para penyokong dalam dan luar negara. Contohnya, Manchester United begitu sinonim dengan warna merah hinggan mereka terkenal dengan nama jolokan Red Devils.

Dalam budaya sosial, warna memiliki makna yang sangat tinggi. Sebagai contoh, merah merupakan simbol kepada nasib baik di China dan beberapa bahagian di Afrika; tanda amaran di Eropah, Amerika, Australia, New Zealand dan kebanyakan negara dunia; tanda perkabungan di Ivory Coast; dan tanda seorang gadis masih memiliki dara di Turki.

Masyarakat Melayu dan Arab banyak berkongsi sentimen tentang warna. Contohnya, warna hijau melambangkan syurga, kesuburan, dan kesegaran; manakala warna putih pula melambangkan kesucian dan harapan. Perbezaan yang wujud mungkin terhadap pecahan warna utama. Disebabkan Malaysia ialah sebuah negara yang penuh dengan flora dan fauna, maka warna hijaunya terdiri daripada banyak jenis. Selain hijau tua dan muda, terdapat juga warna hijau lain seperti hijau pucuk pisang, hijau bembun, hijau serindit, dan hijau kepala itik. Jadi, penterjemah mungkin akan menghadapi kesukaran dalam menterjemah warna-warna tersebut dengan tepat dalam bahasa Arab.

Gelaran dan sapaan

Dalam budaya Arab, perkara ini adalah tidak begitu ketara, namun masyarakat Melayu benar-benar menjaga kedudukan seseorang dalam masyarakat. Setiap orang mempunyai kedudukan sosial yang tertentu sama ada dalam masyarakat ataupun keluarga. Gelaran dan sapaan adalah berdasarkan kepada aturan dan urutan tertentu, iaitu dari segi hubungan kekeluargaan, usia, kedudukan dan pangkat, gelaran, dan jawatan yang disandang.

Malah, kata ganti nama diri juga adalah berbeza mengikut situasi dan kepada siapa kita bercakap. Terjemahan perkataan أنت (Anta) boleh menjadi *awak* atau *engkau* jika ditujukan kepada kawan, atau *kamu* jika ditujukan kepada orang yang lebih muda atau rendah kedudukannya, ataupun *tuanku* jika bercakap dengan raja dan sultan. Sama juga halnya dengan perkataan أنا (Ana) yang boleh diterjemah menjadi *saya*, *aku*, dan *patik*. Selain itu, gelaran kekeluargaan yang digunakan oleh sesama adik-beradik tidak digunakan dalam budaya Arab. Mereka hanya memanggil nama dan tiada gelaran tertentu untuk orang yang lebih tua atau muda. Masyarakat Melayu kebanyakannya masih menggunakan *Along*, *Angah*, *Uda*, *Alang Uteh*, *Achik* dan *Ucu* mengikut turutan usia.

Politik

Budaya politik dapat dilihat melalui istilah-istilah yang berkisar tentang konsep politik, parti politik, organisasi, akronim, pangkat, jawatan, dan sebagainya. Sebagai contoh, kebanyakan istilah politik dalam bahasa Arab moden diambil daripada bahasa Inggeris. Ribuan istilah politik Inggeris masuk ke dalam bahasa Arab secara sedar ataupun tidak seolah-olah masyarakat Arab hampir tiada sejarah politik moden. Kebanyakan negara Arab pernah dijajah oleh kolonial Eropah dan apabila mereka merdeka sekalipun, minda mereka masih lagi terjajah dan tertawan. Kesannya, istilah politik yang berlegar-legar dalam korpus bahasa Arab adalah berasal dari Barat. (Ghazala, 2015). Kita dapat lihat perkara ini jelas dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Arab, namun kita tiada pilihan kerana ia sudah digunakan secara meluas. Berikut adalah sebahagian daripada contoh istilah demokrasi yang diambil daripada Kamus Dewan Edisi Keempat dan *A Dictionary of Modern Written Arabic*:

Bil.	Perkataan/ Frasa	Terjemahan Melayu	Terjemahan Arab	Glos
1.	<i>Democracy</i>	Demokrasi	ديمقراطية	Dīmukraṭīyah
2.	<i>Direct Democracy</i>	Demokrasi langsung	ديمقراطية مباشرة	Dīmukraṭīyah Mubāshirah
3.	<i>Parliamentary Democracy</i>	Demokrasi berparlimen	ديمقراطية برلمانية	Dīmukraṭīyah Barlamāniyah
4.	<i>Constitutional Democracy</i>	Demokrasi berpelembagaan	ديمقراطية دستورية	Dīmukraṭīyah Dustūriyah
5.	<i>Liberal Democracy</i>	Demokrasi liberal	ديمقراطية ليبرالية	Dīmukraṭīyah Lībrāliyah

Berdasarkan jadual di atas, semua istilah demokrasi sama ada dalam bahasa Arab ataupun Melayu telah diterjemah secara literal, apabila penterjemah menterjemah perkataan teks sumber mengikut struktur bahasa sasaran.

Seterusnya, nama-nama kementerian dan parti politik selalunya diterjemah secara harfiah, apabila teks sumber diterjemah secara satu persatu tanpa satu pun ditinggalkan. Terjemahan dibuat setepat mungkin berdasarkan makna sebenar teks. Berikut ialah contoh yang telah diterjemah kepada bahasa Arab:

No.	Perkataan/Frasa	Terjemahan Arab	Glos
1.	Kementerian Pertahanan	وزارة الدفاع	Wizārah al-Difā'
2.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	وزارة الطاقة والتكنولوجيا الخضراء والماء	Wizārah at-Tāqah al-Tiknūlūjiyā al-Khaḍrā'
3.	Kementerian Belia dan Sukan	وزارة الشباب والرياضة	Wizārah ash-Shabāb wa al-Riyāḍah
4.	Parti Islam Semalaysia	الحزب الإسلامي الماليزي	Al-Ḥizb al-Islāmī al-Mālīzī
5.	Parti Bersatu Sabah	حزب الاتحاد ب صباح	Al-Ḥizb al-Ittiḥād bi Ṣabāḥ

Selain itu, pada era globalisasi ini, bahasa boleh menjadi senjata untuk memenuhi kepentingan pihak-pihak tertentu. Sebagai contoh, berita tentang kemalangan sebuah bas boleh menyebabkan perdebatan politik tentang keadaan jalan raya dan polisi kerja di negara tersebut. Perdebatan politik tersebut membawa kepada kecaman terhadap Kementerian Pengangkutan dan siasatan undang-undang tentang kemalangan itu. Hubungan antara dua negara boleh berubah disebabkan laungan politik dalaman di sesebuah negara.

Tidak syak lagi bahawa terjemahan memainkan perana penting dalam memindahkan frasa politik yang kadangkala mempunyai konotasi berbeza antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Sebagai contoh, frasa *security wall* yang dibina Israel untuk mempertahankan diri mereka seperti yang mereka dakwa diterjemah kepada الحدار العازل (Al-Jidār al-‘Āzil) dalam bahasa Arab dan tembok pemisah dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan keberpihakan kebanyakan negara Arab dan Muslim terhadap situasi di Palestin.

Namun begitu, berbeza pula dengan terjemahan *suicide bombing* yang diterjemah ke dalam bahasa Arab dengan makna yang sama, iaitu تفجير انتحاري (Tafjīr Intiḥārī). Manakala, terjemahan dalam bahasa Melayu adalah berkonotasi positif, iaitu pengeboman berani mati walaupun masyarakat di Malaysia rata-ratanya berpegang kepada pandangan bahawa bunuh diri adalah berdosa. Sementara itu, di Malaysia, bunuh diri masih dikategorikan sebagai jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman

penjara atau denda ke atas mana-mana individu yang melakukan cubaan membunuh diri tanpa kehilangan nyawanya. Tanpa sedar, terjemahan boleh menyingkap pemikiran terselindung dalam sesuatu masyarakat, sama ada ia adalah berkonotasi positif atau negatif.

Mental dan Emosi

Mental dan emosi sesuatu masyarakat dibentuk daripada budaya setempat yang seterusnya mempengaruhi laras bahasa yang dituturkan oleh mereka. Banyak nilai yang dipegang secara tidak sedar oleh sesebuah masyarakat, seperti mentaliti terbuka atau tertutup, sikap sentimental, romantisme, kemegahan, semangat dan kehairahan, emosi gembira, sedih, marah, tenang, berani, takut, bangga, malu, dan sebagainya (Ghazalah, 2015). Dalam hal ini, bahasa Arab adalah bersifat konklusif (Ghazala, 2015), manakala bahasa Melayu pula neutral dan kadangkala lebih berlapik. Saya sertakan beberapa contoh bagi menerangkan perkara ini.

No.	Bahasa Melayu yang berlapik	Bahasa Arab yang Konklusif
1.	Saya <u>rasa</u> keputusan saya betul	أنا متأكد مليون بالمئة أن قراري صحيح (Saya yakin sepenuhnya dengan keputusan saya betul)
2.	Ini penyelesaian yang baik	ذلك هو أفضل حل على الإطلاق (Ini adalah penyelesaian yang terbaik)
3.	Di dalam dunia ini <u>ramai</u> yang tidak mahu berkata benar	لا أحد في العالم يقول الحق الآن (Tiada siapa yang berkata benar di dunia ini sekarang)
4.	<u>Mungkin</u> sukar <u>sedikit</u> untuk memahami mereka	من المستحيل التفاهم معهم (Mustahil untuk memahami mereka)

Walau bagaimanapun, terdapat persamaan antara konsep emosi dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab. Salah satu daripada persamaan konsep emosi tersebut ialah konsep malu. Perkataan malu tidak berkonotasi negatif seperti *ashamed*, *shy*, dan *embarrassed* seperti yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Orang Arab dan Melayu menganggap bahawa rasa malu memiliki suatu keperluan dalam hidup bermasyarakat dan hal tersebut merupakan sebahagian daripada norma-norma tatasusila dan kompas moral individu.

Hadis Nabi ada menyebutkan bahawa, “إن لم تستحي فافعل ما شئت” yang bermaksud “Jika engkau tidak berasa malu maka buatlah sesuka hatimu”. Kebanyakan daripada ibu bapa Melayu selalu berpesan kepada anak-anak seperti, “Belajar rajin-rajin dan jangan buat malu ayah emak” dan “Orang ramai ni. Malulah sikit!”. Hadis dan dua contoh ayat ini membawa maksud yang sama agar sentiasa sopan pada setiap masa, terutamanya apabila berada di khalayak ramai.

Linguistik

Ghazala (2015) mengatakan bahawa budaya bahasa ialah cara budaya mengekspresikan makna seperti ekspresi budaya, peribahasa, simile, kolokasi, metafora dan sebagainya. Newmark (1988) juga membezakan antara bahasa universal dan bahasa budaya. Bahasa universal ialah perkataan-perkataan biasa untuk rujukan neutral seperti tidur, mandi, hidung, mulut, lembu, kucing, suka, benci, dengar, lihat, baca tulis, dan banyak lagi. Biasanya penterjemah akan berjumpa dengan padanan perkataan yang tepat untuk perkataan-perkataan ini. Penterjemah perlu membezakan sama ada perkataan yang akan diterjemah itu membawa makna universal atau budaya. Sebagai contoh perkataan *makan* dalam bahasa Melayu boleh jadi universal dan budaya. Berikut ialah contoh penggunaan perkataan *makan* dan terjemahannya dalam bahasa Arab (Majdi, 2009).

No.	Perkataan/Frasa	Terjemahan Arab	Glos
1.	Makan nasi	يأكل الأرز	Ya'kulu al-Aruz
2.	Makan masa	يستغرق وقتا	Yastaghriqu Waktan
3.	Makan hati	يضمّر الحزن والكرب	Yaḍmaru al-Ḥuzn wa al-Karh
4.	Makan angin	يتزّه	Yattazihu
5.	Makan gaji	يتقاضى مرتبا	Yataqāḍā Murattaban

Tambahan pula, mencari padanan perkataan yang sesuai dalam bahasa sasaran yang kaya istilah boleh menjadi salah satu cabaran dalam penterjemahan. Contohnya, perkataan قطع (Qata'a) boleh diterjemah kepada 14 perkataan lain dalam bahasa Melayu seperti, potong, tebang,

cantas, cincang, hiris, belah, kerat, tetas, takuk, kelar, takik, tebas, tetak, dan racik. (Majdi, 2009).

Adakala, walaupun terdapat padanan perkataan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, namun penterjemah tidak semestinya akan menterjemah perkataan tersebut disebabkan struktur tatabahasa yang berbeza. Sebagai contoh “الرجل الذي رأيته” (Ar-Rajulu al-Lazī Ra‘aytuhu) akan diterjemah kepada “Lelaki itu yang saya lihat” tanpa perlu menterjemah kata ganti nama yang membawa makna “dia” atau “nya” yang berada di hujung ayat. Begitu juga dalam ayat “جاء محمد وأحمد وزيد”, (Ja’a Muḥammad wa Aḥmad wa Zayd) penggunaan kata sendi “dan” dalam Arab diletakkan selepas setiap kata nama. Manakala dalam tatabahasa Melayu, terjemahan ayat tersebut akan menjadi “Muhammad, Ahmad, dan Zaid telah datang” dengan meletakkan kata sendi “dan” sebelum subjek ketiga.

Selain itu, terdapat banyak peribahasa Melayu berbentuk metafora yang berkaitan binatang yang mempunyai padanan yang sama maksud dalam bahasa Arab. Sebagai contoh:

No.	Peribahasa	Terjemahan Arab
1.	Yang pipit sama pipit, yang enggang, sama enggang.	الطيور على أشكالها تقع (Burung yang sejenis terbang sekali)
2.	Gagak dimandikan tujuh kali sehari pun, takkan putih bulunya	أنجس ما يكون الكلب إذا اغتسل (Anjing sekalipun dibasuh tetaplah najis)
3.	Harimau hilang taring	الكلب عار ظفره (Anjing hilang kuku)

Sastera

Unsur budaya sastera dapat dilihat pada tradisi lisan, gaya penulisan, karya klasik, dan sasterawan sesuatu bangsa (Ghazala, 2015). Penterjemahan dalam karya kesusasteraan menuntut kepada ketelitian dan ketepatan yang tinggi. Kesalahfahaman tentang teks akan mengakibatkan kecacatan dalam karya terjemahan tersebut. Kesamaan makna memainkan peranan dan ketidaktepatan akan membawa petaka dalam pemahaman makna teks (Nida, 1964). Terdapat empat garis panduan dalam penterjemahan karya sastera, iaitu:

1. Teks terjemahan mestilah menyampaikan maksud asal teks.
2. Teks terjemahan mestilah mencerminkan gaya penulis asal.
3. Teks terjemahan mengekalkan bentuk asal seperti pantun.
4. Penterjemah dibenarkan untuk menokok tambah sekiranya perlu (Faulkner, 1965).

Selain itu, darjah penghasilan penterjemah dari segi bentuk, meter, nada laras, dan sebagainya adalah bergantung kepada sistem bahasa sasaran dan juga fungsi terjemahan tersebut (Puteri Roslina, 2012). Sebagai contoh, bagaimanakah penterjemah berperanan untuk menjelmakan semula bunyi, struktur linguistik, rima, muzik, dan keindahan dalam terjemahan puisi? Orang Arab amat berbangga dengan syair-syair mereka. Syair mereka disusun dengan sistem peraturan tertentu yang membentuk bunyi syair dan disebut sebagai *Bahr*. Namun begitu, apabila diterjemah, sistem tersebut akan berubah dan tidak menepati bunyinya yang sebenar. Begitu juga dengan pantun dalam bahasa Melayu yang memiliki sistem pembinaan yang terdiri daripada pembayang dan pemaksud serta rima-rima yang sama. Apabila pantun diterjemah ke dalam bahasa Arab, pembaca yang berbangsa Arab mungkin berasa kurang faham apabila baris pembayang dan baris pemaksud dilihat tidak mempunyai perkaitan yang jelas dari segi makna.

Disebabkan kesukaran yang dihadapi oleh orang-orang yang berurusan dengan terjemahan karya-karya sastera, hal tersebut membuatkan beberapa orang ahli teori seperti Humbolt serta Whorf & Sapir, mengatakan bahawa teks sastera tidak boleh diterjemahkan kerana pembahasaan yang tidak selari dalam kaedah dan struktur mereka (Ghazala: 2013). Oleh sebab itu, jika diperhatikan buku-buku Bahasa Arab yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu, kebanyakan buku terjemahan tersebut ialah buku-buku yang berkaitan dengan fiqh, hadis, tafsir, ilmu kalam, dan sebagainya. Manakala, buku-buku sastera seperti puisi, cerpen dan novel bahasa Arab yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu amatlah sedikit. Begitu juga halnya dengan karya terjemahan berbahasa Arab dari bahasa Melayu.

Ekologi

Ghazalah mengikut takrifan Newmark (1988) dalam pembahagian unsur budaya ekologi yang melihat kepada persoalan geografi dan muka bumi sesuatu kawasan. Penulis akan mendatangkan dua perkara yang dibincangkan dalam takrifan ini, iaitu, tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Tumbuh-tumbuhan

Apabila kita bercakap tentang tumbuh-tumbuhan, Malaysia mempunyai pelbagai buah-buahan dan sayur-sayuran yang sangat asing kepada orang Arab kerana terletak di garisan khatulistiwa. Penterjemahan buah-buahan dan sayur-sayuran menjadi masalah bagi penterjemah kerana nilainya bukan terletak terhadap pengenalpastian bentuk dan rupa sahaja, bahkan ia lebih kepada rasa. Terjemahan yang menggunakan kaedah pinjaman merupakan kaedah terbaik untuk menterjemah buah-buahan yang tiada dalam budaya Arab seperti duku, manggis, durian, rambutan, rambai, dan sebagainya.

Walaupun adakala terdapat terjemahan yang sepadan dan dikenali dalam kedua-dua bahasa sumber dan sasaran, tetapi jenis dan bentuknya yang pelbagai tetaplah asing pada bahasa sasaran. Sebagai contoh, terdapat terjemahan yang tepat bagi buah pisang dalam bahasa Arab, iaitu الموز (Al-Mawz). Namun begitu, penterjemah akan menghadapi kesukaran untuk menterjemah lebih daripada 20 jenis pisang ke dalam bahasa Arab seperti pisang tanduk, pisang nangka, pisang berangan, pisang emas, dan sebagainya yang mempunyai perbezaan dari segi bentuk dan saiz. Perkara yang sama juga berlaku dalam menterjemah jenis-jenis kurma ke dalam bahasa Melayu. Kurma dikatakan mempunyai lebih daripada 450 jenis, malahan ia juga mempunyai istilah-istilah tertentu mengikut fasa umurnya. Fasa pertama ialah الطلع, (At-Ṭal') iaitu kurma yang baru berputik. Fasa ini bertahan sekitar 4-5 minggu. Fasa kedua ialah الخلال, (Al-Khalāl) iaitu kurma yang mula menghijau. Fasa ketiga ialah البسر, (Al-Basar) iaitu warna kurma berubah kepada kuning, perang atau merah. Fasa keempat pula ialah الرطب, (Ar-Ruṭab) apabila buah akan menjadi lebih berair dan manis. Fasa kelima dan terakhir ialah التمر, (At-Tamr) iaitu fasa akhir kematangan buah yang keadaan buahnya menjadi agak keras.

Walau bagaimanapun, masalah menterjemahkan perbezaan budaya antara bahasa Arab dan Melayu tidak hanya berhenti di sini. Beberapa buah mempunyai makna khusus dalam sesetengah budaya. Buah aprikot bagi orang Arab Mesir merupakan simbol kepada perkara yang mustahil dan jauh dari akal fikiran. Peribahasa Melayu seperti “Kecil-kecil cili padi” yang bermaksud kecil tetapi berani, jika diterjemah secara literal ke dalam bahasa Arab mungkin tidak dapat difahami dengan baik.

Haiwan

Persekitaran tropika mempunyai banyak haiwan yang tidak diketahui oleh orang Arab dan persekitaran padang pasir merangkumi banyak haiwan yang tidak diketahui oleh orang Melayu. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, masalah menterjemahkan unsur-unsur persekitaran tidak terletak pada definisi tumbuhan atau haiwan semata-mata, tetapi turut berlaku dalam pemindahan makna. Sebagai contoh, unta menjadi simbol yang paling penting dalam persekitaran budaya orang Arab. Jadi, kita dapati bahawa beratus-ratus nama dan beratus-ratus sifat bagi unta digambarkan mengikut umur, bentuk, warna, dan saiznya bagi ayat-ayat dalam budaya Arab. Bagi orang Melayu pula, haiwan yang dekat pada budaya mereka ialah ayam. Banyak simpulan bahasa dan peribahasa yang menggunakan ayam bagi menggambarkan pelbagai situasi sama ada positif ataupun negatif seperti cakar ayam, rabun ayam, bapa ayam, dan sebagainya. Malah, terdapat 118 peribahasa yang berkaitan dengan ayam sahaja seperti ayam terlepas, tangan bau tahi, carik-carik bulu ayam, dan sebagainya. Oleh sebab itu, pengetahuan tentang latar budaya sumber dan sasaran dapat membantu penterjemah untuk memindahkan mesej tersirat dalam satu-satu teks terjemahan.

Material

Unsur budaya material adalah apa-apa objek yang boleh disentuh dan diukur yang merangkumi tempat kediaman, pengangkutan, senjata, peralatan teknologi, dan lain-lain lagi (Ghazalah, 2015). Makalah ini akan memperincikan dua jenis unsur material budaya, iaitu tempat kediaman dan pengangkutan.

Tempat Kediaman

Cabaran penterjemahan bagi tempat kediaman bukanlah disebabkan oleh tempat tinggal yang dipilih oleh manusia semata-mata. Dalam masa yang sama, cabaran turut wujud untuk perincian tentang kediaman ini. Banyak faktor yang mempengaruhi bentuk dan jenis tempat kediaman, termasuklah keupayaan kewangan, selera, status perkahwinan dan faktor-faktor lain.

Misalnya, masyarakat Melayu mempunyai banyak istilah rumah seperti teratak, gubuk, dangau, pura, istana, dan sebagainya bagi melambangkan

konsep tempat kediaman manusia. Perbezaan budaya menyebabkan ia masih sukar untuk mendapatkan istilah yang tepat namun pemberian istilah tertentu boleh dilakukan berdasarkan ciri-ciri tertentu dalam menentukan konsep bagi sesuatu istilah (Puteri Roslina, 2012).

Orang Arab pula tidak lagi tinggal di khemah atau rumah tanah liat sederhana yang menempatkan lebih daripada satu keluarga. Mereka yang tinggal di negara-negara teluk terutamanya berminat untuk mendapatkan rumah yang luas dan besar. Persamaan yang ada pada zaman dahulu dan sekarang adalah terdapat ruang tengah yang luas di setiap kediaman orang Arab. Ruang itu berfungsi sebagai:

1. Memudahkan peredaran udara dan cahaya.
2. Mengurangkan dan mengeluarkan haba.
3. Membolehkan tingkap bahagian dalam rumah dibuka kerana tingkap yang menghadap luar menghadap jalan.
4. Tempat keluarga berkumpul.

Selain itu, tempat kediaman turut mencerminkan sejarah bangsa dan negara. Rumah kedai yang digunakan sebagai tempat kediaman keluarga, kedai dan premis komersial yang biasa dilihat di pekan-pekan lama seperti Ipoh, Muar dan Georgetown merupakan salah satu ciri penting di negara-negara Asia Tenggara. Malah, George Town juga mempunyai bilangan rumah kedai yang terbanyak di Asia Tenggara, iaitu sebanyak 4,000 buah rumah kedai di tapak warisan dunia yang kebanyakannya mempunyai ketinggian dua dan tiga tingkat serta berkongsi ciri-ciri yang sama. Kebanyakan bangunan rumah kedai ini dibina dalam barisan dengan dinding pemisah yang dikongsi bersama. Rumah kedai mempunyai ciri-ciri seni bina bandar di Asia dari abad ke-18 hingga abad ke-20. Gaya seni bina yang awal adalah gabungan daripada pertembungan nilai-nilai silang budaya, idea-idea, tradisi luar pendatang dan pertukangan tempatan, serta penyesuaian dengan bahan-bahan binaan yang sedia ada, kemahiran, pengangkutan dan iklim tropika (laman web rasmi George Town World Heritage Incorporated).

Pengangkutan

Perlu diakui bahawa pengangkutan moden merupakan ciptaan Barat, manakala orang Arab dan Melayu tidak mempunyai peranan dalam

perkembangan industri ini kecuali sekadar menjadi pengguna sahaja. Oleh sebab itu, kebanyakan istilah atau nama pengangkutan moden diterjemahkan secara langsung dari bahasa Inggeris menggunakan kaedah peminjaman seperti metro (المترو) (Al-Mitrū) dan concorde (الكنكورد); (Al-Kunkūrd) kaedah padanan fungsian seperti kereta (السيارة) (As-Sayyārah) dan kapal terbang (الطائرة); (Aṭ-Ṭā'irah) atau padanan sejati seperti jet pejuang (الطائرة النفاثة) (Aṭ-Ṭā'irah an-Naffāsah) dan Transit Aliran Ringan (القطار السريع). (Al-Qiṭār as-Sarī') Walaupun begitu, kebanyakan nama-nama kereta diterjemahkan melalui kaedah peminjaman seperti Volvo dan Mercedes seperti mana kereta Malaysia membawa nama-nama dalam bahasa Melayu seperti Wira, Waja, Perdana, Kancil dan Kelisa.

PENUTUP

Secara umumnya, setiap bahasa itu berbeza kerana mengandungi pelbagai unsur budaya yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Setiap unsur mempunyai penggunaan dan makna yang tersendiri sama ada dari segi tektual mahupun kontekstual. Walaupun kajian tentang pembahagian unsur dipelopori oleh Nida (1964) dan Newmark (1988), namun muncul ramai sarjana yang meneruskan perbincangan mereka dan memperincikan lagi unsur budaya secara lebih khusus seperti Hussien (2001) dan Ghazala (2015). Ghazala memberi penekanan terhadap unsur budaya agama dan politik dalam melihat kepada keperluan penterjemahan yang baik dalam dua unsur tersebut pada masa ini bagi merapatkan jurang budaya antara dua bahasa. Tiada satu formula mutlak yang boleh menyelesaikan masalah penterjemahan berkaitan budaya kerana budaya juga sentiasa bergerak dan berubah. Maka, penterjemah perlu mempunyai kemahiran dalam memahami sepenuhnya teks sumber lalu menterjemah dengan teori, kaedah, dan pendekatan yang sesuai dalam budaya sasaran.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Muhamad. (2000). *Teknik dan Teori Terjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Akmal Khuzairy Abdul Rahman & Majdi Haji Ibrahim. (2017). Malamih al-Ikhtilaf bayna Tarjamat al-Quran al-Karim wa Injil wa al-Tawrah: Dirasah Muqaranah, *at-Tajdid - A Refereed Arabic Biannual*, 21 (41A): 59-96.
- Al-Attas, Syed Naquib. (2018). *The Origin of The Malay Sha'ir*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.

- Bahumaid, Showqi. (2017). "Culture-Bound Terms in Arabic-English Translation: Difficulties and Implications", *Linguistics Applied [Online]*, 6.6: 25-39. Web. 11 February, 2018.
- Baker, M. (1992). *In Other Words: A Coursebook on Translation*. London: Routledge.
- Bassnett, S. & Lefevere, A. (1998). *Translation, History and Culture*. New York: Continuum.
- Bassnett, S. (1980). *Translation Studies*. London: Routledge.
- Edward, T. (1920). *Primitive Culture: Research into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art, and Custom*, (London: John Murray. Volume 1).
- Faulkner, W. (1965). *Essays, Speeches & Public Letters*. New York: Penguin Random House.
- Ghazala, Hasan. (2002). "Translatability of Cultural Term (English-Arabic): Translation Mechanism", *Turjuman Translation Journal*, Vol 11. No 2
- Ghazala, Hasan. (2013). *A Textbook of Literary Translation*. Saudi Arabia: Konooz Al-Marifa.
- Ghazala, Hasan. (2015). *Translating Culture: A Textbook*. Saudi Arabia: Konooz Al-Marifa.
- Hunt, R. (1989). The History of the Translation of the Bible into Bahasa Malaysia. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 62(1 (256)), 35-56. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41493626>
- Kaseh Abu Bakar, Muazah Abu Samah & Ismaiel Hassanein. (2015). Which Cultural Aspects Are Malay Learners of Arabic Interested in Knowing?, *International Journal of West Asia Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia[Online]*, 7.1: 24-43. Web. 11 February, 2018.
- Koentjaraningrat. (1976). *Kebudayaan, Mentalitet dan Pembangunan*. Jakarta: Gramedia
- Lubis, Muhammad Bukhari. (1993). *The Ocean of Unity: Wahdat Al-Wujud in Persian, Turkish, and Malay Poetry*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Majdi Haji Ibrahim & Akmal Khuzairy Abd. Rahman. (2009). Translating Cultural Differences: The Meeting of Arabic and Malay Cultures, *Journal of Malaysian Translators Association*, XI (1&2).
- Majdi Haji Ibrahim. (2009). *Al-Tarjamah bayna al-'Arabiyyah wa al-Malayuwiyyah: al-Nazariyat wa al-Mabadi'*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Malinowski, B. (1944). *A Scientific Theory of Culture and Other Essays*. London & Newyork: Routledge.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New York: Prentice-Hall International.
- Nida, E. A. (1964). *Toward A Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Nida, E. A. (1975). *Exploring Semantic Structures*, München: Fink.